

Banjir ragut lima nyawa

Oleh NASRI JAMALUDIN
dan NORHAYATI YAHAYA
berita@kosmo.com.my

JOHOR BAHRU – Banjir yang melanda Johor sejak Selasa lalu setakat ini telah meragut lima nyawa dengan tiga di Segamat manakala selebihnya di Kluang.

Di Segamat, mangsa terlibat Nor Azahari Nordin, 28, dari Kampung Permatang Panjang, Jementah; warga emas, Ahmad Serkawi, 70, dari Kampung Jawa dan seorang lagi juga warga emas, Masiah Ahmad, 69, dari Kampung Padang Lalang, Jalan Medoi.

Dua mangsa yang lemas di Kluang pula M. Mageswary, 26, dan A. Muniandy, 59. Kedua-duanya dari Paloh, Kluang.

Pemangku Ketua Polis Daerah Segamat, Deputy Supritendan Ahmad Sukarno berkata, kesemua mangsa yang mati di daerah ini, ditemui lemas selepas hilang sebaik sahaja banjir melanda.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Kluang, Asisten Komisioner Fauzi Arshad berkata, mayat Mageswary dan Muniandy ditemui dalam sebuah kereta Proton Saga di Jalan Batu 4, Jalan Paloh, dipercayai dihanyutkan arus deras.



BEBERAPA kenderaan berat terkepung di tengah-tengah jambatan utama Kota Tinggi yang tenggelam akibat banjir di bandar itu semalam.

Sementara itu, bilangan penduduk yang dipindahkan akibat banjir di Johor telah meningkat kepada 50,583 mangsa melibatkan 10,234 keluarga di 275 pusat penempatan

sementara sehingga pukul 8 malam semalam.

Muar mencatatkan jumlah paling tinggi iaitu seramai 10,554 orang, diikuti dengan Kluang (9,653), Johor

Bahru (9,314), Segamat (8,495), Batu Pahat (5,324), Kota Tinggi (4,114), Pontian (2,687) dan Mersing (442).

Keadaan banjir yang semakin teruk juga mendapat perhatian be-

berapa pemimpin negara termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang melawat beberapa kawasan termasuk Kota Tinggi, Segamat dan beberapa kawasan lain.

Jalan utama dari bandar Kota Tinggi dengan Johor Bahru terputus manakala Jalan Kota Tinggi-Desaru dan jalan Kota Tinggi-Mersing masih ditutup kepada lalu lintas.

Bagaimanapun, keadaan banjir di Segamat kini beransur pulih dengan cuaca yang cerah tengah hari semalam walaupun sebahagian bandar Segamat masih ditenggelami air.

Jurucakap JPS Segamat berkata, Sungai Segamat mulai surut walaupun masih berada pada paras bahaya dengan bacaan 11.19 meter pukul 2 petang berbanding 12.22 meter bacaan pukul 9 pagi semalam.

Keadaan banjir di Johor Bahru juga dilaporkan semakin pulih walaupun hujan renyai sehingga pukul 3 petang selepas hujan lebat awal pagi semalam.

Sebahagian keluarga di kawasan yang paling teruk terjejas iaitu Kampung Laut Batu 10, di Skudai, yang ditempatkan di penempatan sementara telah mula pulang ke rumah masing-masing.